

PEMAHAMAN MENGENAI PENDAFTARAN PERNIAGAAN DAN PENUBUHAN SYARIKAT

PENGENALAN

Kursus ini memberi penerangan tentang jenis-jenis apakah sebenarnya yang ditakrifkan sebagai perniagaan dan syarikat serta jenis-jenis dan bentuk-bentuknya. Peserta akan didedahkan dengan pengetahuan mengenai keperluan dan sebab-sebab pendaftaran perniagaan di samping diberi panduan bagaimana untuk mendaftarkan perniagaan, perubahan butiran perniagaan serta cara untuk mengendalikan penamatan perniagaan. Bagi mengelak daripada melakukan sebarang kesalahan, peserta akan akan diberi pendedahan tentang kesalahan-kesalahan yang sering dilakukan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956.

Perbezaan dari jenis-jenis syarikat diberi penekanan kerana ia merupakan aspek penting perlu diketahui oleh usahawan. Aspek lain yang terlibat ialah jenis-jenis modal, syer dan definasinya, hak-hak pemegang syer, takrifan, jenis-jenis dan kategori pengarah serta perlantikan seseorang pengarah berkenaan.

OBJEKTIF KURSUS

Adalah penting kepada seseorang usahawan untuk memahami tentang perniagaan dan syarikat itu sebenarnya supaya ia dapat mentadbir urus kedua-duanya dengan baik dan secara betul. Usahawan juga dapat mengetahui apakah peranan dan tanggungjawabnya dalam sesebuah syarikat dan juga perniagaan.

HASIL PEMBELAJARAN

Setelah menghadiri kursus ini, peserta akan:

- Mengetahui perbezaan antara perniagaan dan syarikat.
- Mengetahui keperluan pematuhan undang-undang selepas pendaftaran perniagaan & penubuhan syarikat.
- Mampu memahami prosedur penamatan perniagaan dan syarikat.
- Menghargai tugas dan tanggung jawab pengarah.
- Mengetahui kerja dasar dari sebuah syarikat dan masalah yang timbul dari itu.

KANDUNGAN KURSUS

PERNIAGAAN

- Jenis-jenis entiti perniagaan di Malaysia.
- Bentuk-bentuk perniagaan.
- Takrif perniagaan.
- Keperluan mendaftarkan perniagaan.
- Sebab-sebab perniagaan perlu didaftarkan.
- Kesan kerana tidak mendaftar dan hak menguatkuasakan kontrak.
- Panduan pendaftaran perniagaan.

- Perubahan dalam butir-butir pendaftaran.
- Penamatan perniagaan.
- Kesalahan yang sering dilakukan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956.

SYARIKAT

- Jenis-jenis syarikat.
- Syarikat persendirian.
- Syarikat awam.
- Syarikat mengikut tanggungan.
- Perbezaan antara perniagaan & syarikat.
- Jenis-jenis modal.
- Syer & definasi.
- Hak-hak pemegang syer.
- Takrifan pengarah.
- Kategori pengarah.
- Perlantikan pengarah.
- Setiausaha syarikat.
- Jenis-jenis mesyuarat.
- Penggulangan syarikat.

Jurulatih

Panel jurulatih dari SSM.

Sasaran Peserta

Pemilik perniagaan dan syarikat, pengarah yang baru dilantik, setiausaha syarikat, pentadbir undang-undang dan perunding perniagaan.

BUTIR-BUTIR PENGURUSAN	
Tarikh	Kod program
28 Feb 2011	BIZ/KL/11/022
26 Sep 2011	BIZ/KL/11/126
Masa	9am - 1pm
Tempat	Menara SSM @ Sentral, Kuala Lumpur
Yuran	RM200
Mata CPE SSM	4
Skim PSMB	SBL

Yuran termasuk sijil kehadiran, bahan latihan dalam cakera padat (compact disc) dan jamuan ringan.